

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 21, 2019 8:29 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Seminar Golden Mind Dan Intergenerasi Pupuk Kesedaran, Erat Hubungan Antara Dua Generasi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

21 MAC 2019 / 14 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: SAPSP

SEMINAR GOLDEN MIND DAN INTERGENERASI PUPUK KESEDARAN, ERAT HUBUNGAN ANTARA DUA GENERASI



UUM ONLINE: Sempena Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia yang dirai pada 19 Mac setiap tahun, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Seminar Golden Mind dan Intergenerasi Warga Emas, Kanak-Kanak dan Remaja bagi Peringkat Negeri Kedah Tahun 2019 di Dewan Kuliah Gugusan 1.

Seminar Golden Mind yang julung kali dilaksanakan merupakan platform perkongsian ilmu, idea dan kepakaran warga emas daripada kumpulan profesional ke arah pembangunan dan kesejahteraan warga emas sementara program Intergenerasi Warga Emas, Kanak-Kanak dan Remaja dilaksanakan bagi merapatkan hubungan antara warga emas dan masyarakat khususnya generasi muda.

Perasmian kedua-dua program itu disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Pembasmian Kemiskinan dan Kebajikan Negeri Kedah, YB Hajah Halimaton Shaadiah Saad.

Menurut beliau, Seminar Golden Mind dan Intergenerasi Warga Emas, Kanak-Kanak dan Remaja merupakan manifestasi hasrat kerajaan menggabungkan aktiviti bersama warga emas, kanak-kanak dan remaja yang terdiri daripada pelajar UUM.

"Kesejahteraan sosial dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia hari ini adalah hasil titik peluh dan usaha gigih generasi terdahulu yang kini menjadi warga emas.

"Justeru menjadi obligasi sosial dan komitmen kerajaan untuk menyediakan persekitaran kondusif sebagai tanda pengiktirafan bagi membolehkan warga emas melalui proses penuaan secara penuaan aktif, penuaan produktif, penuaan menyokong dan penuaan sihat," jelasnya.

Beliau menambah, program sedemikian wajar diperluaskan pelaksanaannya ke semua lapisan masyarakat agar dapat meningkatkan lagi perasaan saling menghormati antara generasi yang didapati semakin terhakis pada masa kini.

"Seperti yang dilaporkan media massa, ramai golongan muda tidak mahu menjaga ibu bapa mereka dan lebih sanggup menghantar ke rumah orang tua walaupun mereka sebenarnya berkemampuan untuk menjaga ibu bapa mereka.

"Melalui program sebeginilah kita mengharapkan peribadi golongan muda dapat diubah dan dibentuk sesuai dengan peredaran zaman yang berlaku sekarang," katanya.

Sementara itu Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah, Azmi Abd Karim berkata mekanisma pelaksanaan bagi program intergenerasi adalah berdasarkan Garis Panduan Program Intergenerasi di mana kedua-dua kumpulan warga emas, kanak-kanak dan remaja akan melakukan aktiviti secara bersama.

"Di antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah aktiviti kemasyarakatan, berkongsi kemahiran kraftangan, kemahiran komunikasi serta lain-lain aktiviti yang difikirkan boleh dilaksanakan bersesuaian dengan garis panduan berkenaan.

"Pada hari ini kita berjaya mengumpulkan Warga Emas berdaftar di Pusat Aktiviti Warga Emas, Mahasiswa UUM dan Kanak-Kanak di Tadika UUM, satu kombinasi yang melangkaui generasi," kata beliau.

Dekan SAPSP, Dr. Abdul Razak Abd Manaf pula berterima kasih kepada JKM yang memilih UUM sebagai Universiti pertama untuk pelaksanaan Seminar Golden Mind dan Intergenerasi Warga Emas, Kanak-Kanak dan Remaja.

"Gabungan ahli akademik, pengamal, pentadbiran dan pembuat polisi dalam program ini diharap memberi manfaat sebaiknya kepada warga emas dan negara," ujarinya.

Hadir sama Pengarah Bahagian Warga Emas, JKM mewakili Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia, Azmir Kasim; pengarah-pengarah JKM Negeri dan pensyarah-pensyarah SAPSP.





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.